

Ruj.Kami : Prk.ML.08/25-22 (20)
Tarikh : 10 Januari 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato`/Tuan,

PELAKSANAAN DASAR BARU PELESENAN JABATAN BERKAITAN PENGUNAAN PEMBANTU TAIKONG DI ATAS VESEL PENANGKAPAN IKAN ZON B

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan akan melaksanakan peraturan baru berkaitan syarat penggunaan pembantu taikong di atas vesel zon B. Pertimbangan khas ini diberikan untuk mengatasi masalah pemilik vesel yang tidak dapat turun ke laut disebabkan mempunyai urusan lain yang tidak dapat dielakkan. Pelaksanaan dasar baru ini tidak membawa maksud hilangnya syarat 'USAHA SENDIRI' ke atas semua vesel penangkapan ikan zon B, sebaliknya adalah untuk membantu pemilik vesel memastikan vesel mereka untuk terus dapat beroperasi dan menjana pendapatan Negara melalui sektor perikanan tangkapan.

3. Dasar baru ini adalah seperti berikut :

- i. Pembantu taikong adalah warganegara Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan.
- ii. Hanya seorang pembantu taikong dibenarkan dalam satu masa.

4. Sehubungan itu, syarat 'USAHA SENDIRI' yang telah dimasukkan/dicop dalam buku lesen vesel Zon B tersebut perlu **dipinda** selaras dengan dasar baru ini seperti berikut:

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

USAHA SENDIRI – Vesel hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel

DIPINDA KEPADA

USAHA SENDIRI – Vesel hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel atau pembantu nakhoda seperti mana yang ditetapkan di dalam buku lesen


Pindaan syarat tersebut bagi menjamin hanya pembantu nakhoda yang didaftarkan oleh Jabatan dan dicatat di dalam buku lesen sahaja yang boleh mengusahakan vesel Zon B tersebut sekiranya pemilik vesel iaitu nakhoda tidak dapat keluar ke laut dan syarat baru ini hendaklah dicop di dalam buku lesen oleh Pejabat Perikanan Negeri / Daerah.

5. Selaras dengan itu, YBhg. Dato`/Tuan diminta untuk membuat makluman dan hebahan kepada setiap pihak berkepentingan mengenai pindaan syarat ini yang akan dilaksanakan bermula **1 FEBRUARI 2014**. Kerjasama dan tindakan dari pihak YBhg. Dato`/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO` HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Ibu Pejabat Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Pengerusi
Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan